



UMHSB

**UNIUTAMA MANAGEMENT
HOLDINGS SDN. BHD.**

POLISI

ANTI RASUAH



04 - 9232201



www.umhsb.com.my



uniutama@umhsb.com.my



Lot 260-265, UUM Business Centre
Lorong 1, Taman Universiti, 06010
Sintok, Kedah Darul Aman





UMHSB

POLISI ANTI RASUAH

U M H S B



1. PENGENALAN

Polisi Anti Rasuah Syarikat Kumpulan Uniutama Management Holdings Sdn Bhd (syarikat kumpulan UMHSB) merupakan penjelasan dasar mengenai peraturan serta larangan terhadap sebarang aktiviti berbentuk rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu. Polisi ini dirangka selaras dengan peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan lain-lain Akta serta peraturan yang berkuatkuasa di Malaysia. Polisi ini menetapkan hala tuju yang jelas kepada semua kakitangan yang berkhidmat di syarikat kumpulan UMHSB untuk bersama-sama membendung jenayah rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu. Polisi Anti Rasuah ini adalah simbolik kepada komitmen syarikat kumpulan UMHSB dalam membanteras jenayah rasuah dan penyalahgunaan kuasa di samping memperkasa tadbir urus yang cemerlang dan berlandaskan lunas undang-undang di Malaysia.





UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

2. PENYATAAN KOMITMEN ANTI RASUAH, PENYELEWENGAN, SALAH GUNA KUASA, PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DAN TUNTUTAN PALSU SYARIKAT KUMPULAN UMHSB

Syarikat kumpulan UMHSB komited ke arah pemantapan integriti kakitangan syarikat kumpulan UMHSB dan pelaksanaan pengurusan anti rasuah bagi mengekalkan keyakinan semua pihak terhadap perniagaan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat kumpulan UMHSB. Syarikat kumpulan UMHSB komited melaksanakan tadbir urus yang berintegriti bagi memantau, mencegah dan menghapuskan sebarang bentuk rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu kepada semua kakitangan syarikat kumpulan UMHSB dan pihak berkepentingan seperti berikut :

Mematuhi peruntukan di bawah Akta SPRM dan lain-lain Akta, peraturan, polisi dan prosedur yang telah ditetapkan;

2.1

Melaksanakan kawalan dan penambahbaikan secara strategik dan berterusan sehingga memperoleh pengiktirafan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (MS ISO 37001:2016);

2.2

Menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti berunsur rasuah menerusi polisi perlindungan pemberi maklumat

2.3

Tidak memberi dan menerima sebarang hadiah yang bertentangan dengan polisi penerimaan hadiah syarikat kumpulan UMHSB;

2.4

Mengenakan tindakan undang-undang dan/atau disiplin bagi sebarang pelanggaran ke atas dasar, polisi dan prosedur yang berkaitan.

2.5



UMHSB
wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

3 .TARIKH KUATKUASA POLISI ANTI RASUAH

Polisi anti rasuah bagi syarikat kumpulan UMHSB berkuatkuasa selepas mendapat kelulusan Ahli Lembaga Pengarah UMHSB pada 23 November 2022.

4.0

OBJEKTIF POLISI

PERTAMA

Memberi panduan berhubung tindakan yang wajar diambil apabila berhadapan dengan situasi perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

KETIGA

Menjelaskan kesalahan-kesalahan yang terdapat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan akta-akta berkaitan.

KEDUA

Sebagai satu kaedah pencegahan bagi mengenalpasti, memahami dan menjauhi pelakuan rasuah dan salah guna kuasa.

KEEMPAT

Mewujudkan warga kerja syarikat kumpulan UMHSB yang berintegriti dan bebas rasuah.



UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.



5.0

PEMAKAIAN POLISI

Polisi Anti Rasuah ini terpakai kepada semua kakitangan syarikat kumpulan UMHSB. Kesalahan-kesalahan rasuah, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu serta peraturan dan liabiliti yang dinyatakan di dalam polisi ini adalah merupakan kesalahan yang ditegah oleh undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di Malaysia. Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan Akta SPRM 2009 dan akta serta perundangan yang berkaitan.



KESALAHAN RASUAH



UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023


UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

6. KESALAHAN RASUAH

Akta SPRM 2009 mendefinisi rasuah sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Perkataan suapan adalah termasuk dan tidak terhad kepada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun. Undang-undang Malaysia telah mengariskan empat (4) kategori kesalahan utama berhubung rasuah seperti berikut :

KATEGORI

KESALAHAN





UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

KESALAHAN RASUAH

6.1

MEMINTA / MENAWAR

Seksyen 16 dan 17 Akta SPRM 2009 memperuntukkan kesalahan memberi dan/atau menerima rasuah dan kesalahan yang disabitkan boleh dikenakan penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM 10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi di bawah Seksyen 24 Akta SPRM.



6.2

SALAH GUNA KUASA

Seksyen 23 Akta SPRM 2009 memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang menggunakan jawatan atau kedudukan rasmi dalam membuat keputusan atau mengambil apa-apa tindakan berhubung dengan sesuatu yang mana dia, saudara atau sekutunya mempunyai kepentingan, jika disabitkan kesalahan, boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai rasuah atau RM 10,000.00 yang mana lebih tinggi.



6.3

KONFLIK KEPENTINGAN

Percanggahan kepentingan adalah salah laku melibatkan konflik antara kepentingan peribadi seseorang individu dengan tanggungjawab rasminya yang boleh mempengaruhi secara salah dalam pelaksanaan tugas individu tersebut dan mana-mana individu yang disabitkan bersalah boleh dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai rasuan atau RM 10,000.00 yang mana lebih tinggi.



6.4

TUNTUTAN PALSU

Seksyen 18 Akta SPRM 2009 memperuntukkan bahawa seorang individu melakukan kesalahan jika seseorang itu menggunakan atau mengemukakan apa-apa tuntutan yang mengandungi butiran atau maklumat palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipalnya dan apabila disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai rasuan atau RM 10,000.00 yang mana lebih tinggi.





UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

LIABILITI KORPORAT

SEKSYEN 17A AKTA SPRM

1

Seksyen 17A (1)

Seksyen 17A (1) Akta SPRM memperuntukan bahawa suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu atau untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

2

Seksyen 17 (A)

Mana-mana organisasi komersial yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 17(A) apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau satu juta ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

8. TANGGUNGJAWAB UNTUK MELAPOR



1

Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM memperuntukan bahawa mana-mana orang yang diberi, dijanjikan atau ditawarkan apa-apa suapan dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta SPRM hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu berserta dengan nama orang yang memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan itu (jika diketahui) kepada pegawai SPRM atau pegawai polis yang paling hampir. Mana-mana orang yang tidak mematuhi klausa ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

2

Seksyen 25 (3) dan (4) Akta SPRM turut memperuntukan bahawa mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh atau suatu percubaan telah dibuat untuk memperoleh siapan itu, dengan melanggar mana-mana peruntukan Akta SPRM, hendaklah seawal yang mungkin selepas itu melaporkan permintaan atau perolehan, atau percubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan lengkap dan benar dan jika diketahui, nama orang yang meminta atau memperoleh atau cuba memperoleh suapan daripadanya itu kepada pegawai SPRM atau pegawai polis yang paling hampir. Mana-mana orang yang tidak, tanpa alasan yang munasabah, mematuhi klausa ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.



UMHSB
wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

Syarikat kumpulan UMHSB telah mengenal pasti faktor-faktor utama berikut yang merupakan punca kepada berlakunya kesalahan rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu :

PUNCA UTAMA RASUAH



PENUBUHAN JAWATANKUASA INTEGRITI DI PERINGKAT SYARIKAT KUMPULAN UMHSB

JAWATANKUASA INTEGRITI

10.1



10.1

Syarikat kumpulan UMHSB akan menubuhkan jawatankuasa integriti di peringkat syarikat kumpulan melalui kertas kerja cadangan yang bakal dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah pada 23 November 2022.

10.2



10.2

Jawatankuasa integriti merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seliaan Ahli lembaga Pengarah dan terdiri daripada komposisi seperti berikut :

10.2.1



Jawatankuasa akan dipengerusikan oleh seorang Ahli Lembaga Pengarah UMHSB yang dipersetujui oleh majoriti Ahli Lembaga Pengarah UMHSB; dan



10.2.2


Dua orang ahli daripada Universiti Utara Malaysia yang menepati kriteria seperti berikut :

- Mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang undang-undang; atau
- Berpengalaman menjawat jawatan di unit integriti.



10.2.3

Dua orang ahli daripada syarikat kumpulan UMHSB yang diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah UMHSB.





UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

PENUBUHAN JAWATANKUASA INTEGRITI DI PERINGKAT SYARIKAT KUMPULAN UMHSB



Komposisi ahli jawatankuasa integriti yang dilantik selaras dengan perenggan 10.2 hendaklah memegang jawatan tersebut bagi tempoh dua tahun dan boleh diperbaharui dalam jeda masa dua tahun.



Imbuhan bagi ahli jawatankuasa integriti adalah seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UMHSB dari semasa ke semasa.



Jawatankuasa Integriti mempunyai hak, kuasa dan tanggungjawab seperti yang disebutkan dalam polisi ini, polisi penerimaan hadiah serta polisi perlindungan pemberi maklumat syarikat kumpulan UMHSB.



Pengerusi jawatankuasa integriti bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang aduan berhubung integrity kakitangan syarikat kumpulan UMHSB (tanpa mendedahkan identity pemberi maklumat) secara berkala kepada Lembaga Pengarah UMHSB.



Ahli jawatankuasa integrity dibenarkan untuk meletak jawatan daripada terus memikul tanggungjawab dengan menyerahkan notis peletakan jawatan kepada pengerusi Lembaga Pengarah UMHSB.



Lembaga Pengarah UMHSB pada setiap masa mempunyai kuasa dan budi bicara untuk mengekalkan atau memecat mana-mana jawatankuasa integrity atas apa-apa alasan yang difikirkan munasabah.



UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

11. LANTIKAN PEGAWAI INTEGRITI DI PERINGKAT SYARIKAT KUMPULAN UMHSB

UMHSB

1

Syarikat kumpulan UMHSB akan melantik pegawai integriti dan pegawai tersebut akan ditempatkan di Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Struktur penempatan pegawai integriti adalah seperti berikut :

(Insert graphic direct line dan dotted line)

PEGAWAI
INTEGRITI

UNIUTAMA
MANAGEMENT
HOLDINGS SDN. BHD.

2

Pegawai integriti bertanggungjawab untuk melaporkan dan menerima arahan kerja daripada jawatankuasa integriti.

3

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan turut berhak untuk mengarahkan pegawai integriti untuk menjalankan mana-mana kerja yang difikirkan wajar dan munasabah sepanjang tempoh perkhidmatan.



UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

11. LANTIKAN PEGAWAI INTEGRITI DI PERINGKAT SYARIKAT KUMPULAN UMHSB

UMHSB

4

Pegawai integriti hendaklah mempunyai hak dan kuasa seperti yang terkandung dalam surat lantikan penjawatan dan seperti yang terkandung dalam polisi ini, polisi penerimaan hadiah serta polisi perlindungan pemberi maklumat.

**PEGAWAI
INTEGRITI**

UNIUTAMA
MANAGEMENT
HOLDINGS SDN. BHD.

5

Pegawai integriti boleh dilantik secara tetap atau secara tetap oleh syarikat kumpulan UMHSB.

6

Emolumen dan gaji kepada pegawai integriti hendaklah seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dari semasa ke semasa.



UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

12. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

TANGGUNGJAWAB ALP

Ahli Lembaga Pengarah (ALP) memainkan peranan yang utama dalam mencorakkan iklim dan tona syarikat sama ada meletakkan integriti di landasan yang sepatutnya atau sebaliknya bagi memastikan hala tuju syarikat jelas dengan matlamat dan inisiatif yang dilaksanakan dalam mencegah isu rasuah, salah laku dan penyelewengan syarikat.

ALP mempunyai kuasa sepenuhnya dalam memberi persetujuan dan kata putus dalam perlaksanaan Polisi Anti Rasuah UMHSB. ALP turut bertanggungjawab untuk memainkan peranan-peranan seperti berikut :

PERTAMA

1. Menubuhkan jawatankuasa integriti di peringkat Lembaga Pengarah UMHSB.

KEDUA

2. Melantik dan/atau memberi persetujuan untuk melantik pengerusi dan ahli jawatankuasa integriti.

KETIGA

3. Meluluskan polisi anti rasuah, polisi penerimaan hadiah serta polisi perlindungan pemberi maklumat syarikat kumpulan UMHSB.

KEEMPAT

4. Memastikan isu-isu berhubung rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu dilaporkan secara berkala untuk pengetahuan ALP supaya tidak timbul isu tekanan, penyisihan, penolakan serta tindakan tidak wajar oleh kakitangan syarikat kumpulan UMHSB.

KELIMA

5. Memastikan syarikat melaksanakan fungsi Polisi Anti Rasuah yang telah ditetapkan;



UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

12. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

TANGGUNGJAWAB ALP

Ahli Lembaga Pengarah (ALP) memainkan peranan yang utama dalam mencorakkan iklim dan tona syarikat sama ada meletakkan integriti di landasan yang sepatutnya atau sebaliknya bagi memastikan hala tuju syarikat jelas dengan matlamat dan inisiatif yang dilaksanakan dalam mencegah isu rasuah, salah laku dan penyelewengan syarikat.

ALP mempunyai kuasa sepenuhnya dalam memberi persetujuan dan kata putus dalam pelaksanaan Polisi Anti Rasuah UMHSB. ALP turut bertanggungjawab untuk memainkan peranan-peranan seperti berikut :

KETUJUH

Memberi arahan kepada jawatankuasa integriti dan/atau pegawai integriti dan/atau mana-mana kakitangan syarikat kumpulan UMHSB agar polisi ini dapat dilaksanakan secara konsisten dan menyeluruh; dan

7.

KEENAM

6. Memantau prestasi Polis Anti Rasuah UMHSB melalui pelaporan;

KELAPAN

8. Menjalankan semua fungsi dan kerja-kerja lain yang difikirkan perlu dan munasabah dari semasa ke semasa.



UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

12. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

12.2 TANGGUNGJAWAB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMHSB hendaklah menjalankan fungsi-fungsi berikut :



12. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

TANGGUNGJAWAB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMHSB hendaklah menjalankan fungsi-fungsi berikut :

5

Mengelakkan elemen penolakan, tekanan, penyisihan, penafian dan/atau tindakan tidak wajar dari pihak syarikat kumpulan UMHSB atas apa-apa siasatan yang dilakukan.



7

Memastikan governans terbaik dapat dilaksanakan dalam usaha untuk memperkukuhkan integriti kakitangan syarikat kumpulan UMHSB serta menangani isu-isu berkaitan integriti terutamanya perilaku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan/atau tuntutan palsu.



6

Mengelakkan percanggahan kepentingan (conflict of interest) dalam segala pelaksanaan tugas rasmi.



8

Menentukan suasana kerja yang selesa dan harmoni dalam kalangan kakitangan syarikat kumpulan UMHSB agar kerjasama erat dapat dibina.



Menggalakan penggunaan saluran pelaporan yang betul bagi melaporkan pihak yang disyaki terlibat dalam isu-isu berkaitan rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan/atau tuntutan palsu.




UMHSB
wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023
UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

TANGGUNGJAWAB KETUA PEGAWAI KEWANGAN KUMPULAN

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan UMHSB hendaklah menjalankan fungsi-fungsi berikut :



PROCESS 02


Memastikan governans terbaik dapat dilaksanakan dalam usaha untuk memperkukuhkan integriti kakitangan syarikat kumpulan UMHSB serta menangani isu-isu berkaitan integriti terutamanya perilaku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan/atau tuntutan palsu.

PROCESS 04

Mengelakkan elemen penolakan, tekanan, penyisihan, penafian dan/atau tindakan tidak wajar dari pihak syarikat kumpulan UMHSB atas apa-apa siasatan yang dilakukan.

PROCESS 06

Membantu Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dalam melaksanakan polisi anti rasuah, polisi penerimaan hadiah dan polisi perlindungan pemberi maklumat syarikat kumpulan UMHSB.



01

PROCESS 01

Memperuntukan dana kewangan yang mencukupi agar program pengukuhan integriti boleh dijalankan secara berkala kepada kakitangan syarikat kumpulan UMHSB;



02



03

PROCESS 03

Memberi kebebasan kepada pegawai integriti untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan seperti yang diarahkan oleh jawatankuasa integriti.




04




05

PROCESS 05

Menentukan suasana kerja yang selesa dan harmoni dalam kalangan kakitangan syarikat kumpulan UMHSB agar kerjasama erat dapat dibina.



06





UMHSB

wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

12. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

Jawatankuasa integriti hendaklah menjalankan fungsi-fungsi berikut :

i.

Memberi arahan dan/atau syor berkaitan laporan yang dikemukakan oleh pegawai integriti atau mana-mana kakitangan yang dilantik bagi berbuat sedemikian.

ii.

Memastikan pelan tindakan anti rasuah disediakan oleh pegawai integriti di peringkat syarikat kumpulan UMHSB.

iii.

Memastikan pegawai integriti menjalankan analisa risiko secara berkala bagi keseluruhan pentadbiran dan perniagaan syarikat kumpulan UMHSB.

iv.

Memaklumkan isu-isu berhubung insiden rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan/atau tuntutan palsu secara berkala kepada Lembaga Pengarah UMHSB.

v.

Memastikan pegawai integriti, secara berkala menjalankan program pengukuhan integriti bagi kakitangan syarikat kumpulan UMHSB.

12.4 TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA INTEGRITI



UMHSB
wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

12. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

Jawatankuasa integriti hendaklah menjalankan fungsi-fungsi berikut :

vi.

Mengarahkan pegawai integriti menyediakan sebarang polisi dan/atau dokumen yang perlu bagi tujuan menjalankan fungsi anti rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan/atau tuntutan palsu.

vii.

Meluluskan sebarang prosedur tambahan berhubung pelaksanaan fungsi pegawai integriti dan/atau jawatankuasa integriti.

viii.

Sekiranya dalam mana-mana keadaan, terdapat sebarang percanggahan polisi dan/atau prosedur, atau tiada punca kuasa bagi mana-mana isu, maka jawatankuasa integriti hendaklah dianggap mempunyai kuasa bagi meleraikan percanggahan atau menjadi sumber kuasa bagi membuat keputusan tersebut.

ix.

Memastikan polisi anti rasuah, polisi penerimaan hadiah dan polisi perlindungan pemberi maklumat dilaksanakan secara berkesan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak sama ada dari dalam atau luar syarikat.

v.

Mengelakkan elemen penolakan, tekanan, penyisihan, penafian dan/atau tindakan tidak wajar dari pihak syarikat kumpulan UMHSB atas apa-apa siasatan yang dilakukan.

12.4 TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA INTEGRITI



UMHSB
wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

Pegawai integriti hendaklah menjalankan fungsi-fungsi berikut :

12.5

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI INTEGRITI

i.
Menerima aduan dan/atau pendedahan daripada kakitangan syarikat kumpulan UMHSB atau mana-mana pihak lain;



ii.
Menyediakan laporan awal penerimaan aduan dan/atau pendedahan dan seterusnya menghantar laporan tersebut kepada jawatankuasa integriti;



iii.
Menjalankan siasatan atas apa-apa aduan yang diterima atas arahan jawatankuasa integriti.



iv.
Menyediakan pelan tindakan anti rasuah secara tahunan dan seterusnya membentangkan pelan tindakan tersebut untuk kelulusan jawatankuasa integriti.



v.
Melaksanakan analisa risiko secara berkala bagi keseluruhan pentadbiran dan perniagaan syarikat kumpulan UMHSB.





UMHSB
wholly owned by UUM

12. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

Pegawai integriti hendaklah menjalankan fungsi-fungsi berikut :

12.5

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI INTEGRITI

vi.

Memastikan tadbit urus terbaik dan berkesan dilaksanakan berdasarkan hak, tanggungjawab dan had yang telah digariskan dalam peraturan dan prosedur piawaian (SOP) syarikat kumpulan UMHSB.



vii.

Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam syarikat kumpulan UMHSB.



viii.

Melaksanakan kajian ke atas data-data dalaman atau luaran yang diperoleh dan membuat analisa dapatan berkaitan jenis kesalahan, sektor yang bermasalah, kekerapan kesalahan, pola permasalahan dan sebagainya.



ix.

Bertanggungjawab sebagai pencatat minit bagi jawatankuasa integriti.



x.

Menjalankan program latihan pengukuhan integriti secara berkala bagi kakitangan syarikat kumpulan UMHSB.





UMHSB
wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

12. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

Pegawai integriti hendaklah menjalankan fungsi-fungsi berikut :

12.5

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI INTEGRITI

xi.
Menawarkan khidmat nasihat berhubung pelaksanaan program integrity dan anti rasuah kepada pengurusan dan lembaga pengarah, apabila diperlukan.



xii.
Memastikan semua kakitangan syarikat kumpulan UMHSB melaksanakan ikrar integriti.



xiii.
Menilai polisi-polisi berkaitan anti rasuah, penerimaan hadiah serta perlindungan pemberi maklumat secara berkala dan mencadangkan pindaan yang difikirkan wajar dan munasabah kepada jawatankuasa integriti.



xiv.
Bertanggungjawab sebagai pegawai yang membuat aduan kepada mana-mana pihak berkuasa termasuk SPRM dan Polis bagi kesalahan-kesalahan berbentuk rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu.



xv.
Menyimpan kemas rekod-rekod dan laporan-laporan berhubung siasatan dan pendedahan yang dilakukan oleh mana-mana pihak termasuk kakitangan syarikat kumpulan UMHSB.



xvi.
Memastikan elemen kerahsiaan sentiasa diperlihara dalam menjalankan siasatan seperti yang diarahkan oleh jawatankuasa integriti.





UMHSB
wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

TANGGUNGJAWAB PENGURUS SYARIKAT KUMPULAN

Pengurus yang berkhidmat dalam syarikat kumpulan UMHSB hendaklah menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut :

03

Memantau kakitangan supaya tidak terlibat dengan perilaku rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, percanggahan kepentingan dan/atau tuntutan palsu.

02

Memastikan sebarang konflik kepentingan dilaporkan kepada pegawai integriti dan perkara tersebut ditangani selaras dengan polisi-polisi yang digunakan oleh syarikat kumpulan UMHSB.

01

Memastikan kakitangan syarikat kumpulan UMHSB di bawah seliaannya mematuhi polisi Anti Rasuah, polisi penerimaan hadiah dan polisi perlindungan pemberi maklumat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah UMHSB.



UMHSB
wholly owned by UUM

PELAN ANTI RASUAH 2022 - 2023

UNIUTAMA MANAGEMENT HOLDINGS SDN. BHD.

12. TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN SYARIKAT DALAM MEMERANGI RASUAH

12.6 TANGGUNGJAWAB PENGURUS SYARIKAT KUMPULAN

Pengurus yang berkhidmat dalam syarikat kumpulan UMHSB hendaklah menjalankan fungsi-fungsi seperti berikut :

Secara proaktif melibatkan diri dan kakitangan di bawah seliaannya dalam program-program pengukuhan integriti yang dianjurkan oleh syarikat kumpulan UMHSB. 06

Mempromosikan saluran pendedahan yang betul kepada semua kakitangan di bawah seliaannya. 05

Melaporkan sebarang salah laku dan pelanggaran polisi kepada pegawai integriti. 04

13. CADANGAN MEKANISMA KAWALAN

Pegawai integriti syarikat kumpulan UMHSB boleh mencadangkan perkara-perkara berikut kepada jawatankuasa integriti untuk kelulusan sebagai mekanisme kawalan dan aspek pengukuhan integriti dalam memulakan pelan tindakan anti rasuah bagi syarikat kumpulan UMHSB :

01

Integrity Pledge

Deklarasi komitmen oleh semua kakitangan agar tidak terlibat dengan sebarang perilaku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu.



02

Integrity Pact (Perolehan)

Deklarasi yang dibuat oleh semua pihak luar yang berurusan dengan syarikat kumpulan UMHSB untuk tidak terlibat dalam sebarang perilaku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu dan sekiranya disabitkan kesalahan bagi mana-mana salah laku tersebut, maka perolehan tersebut akan dibatalkan secara serta merta tanpa sebarang pampasan dan perilaku tersebut akan dilaporkan kepada pegawai SPRM.



03

Klausa Anti Rasuah dalam perjanjian

Klausa yang dimasukkan dalam setiap perjanjian melibatkan syarikat kumpulan UMHSB dimana pihak-pihak bersetuju untuk tidak terlibat dalam perilaku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu dan sekiranya disabitkan kesalahan bagi mana-mana salah laku tersebut, maka perjanjian tersebut akan dibatalkan secara serta merta tanpa sebarang pampasan dan salah laku tersebut akan dilaporkan kepada pegawai SPRM.



13. CADANGAN MEKANISMA KAWALAN

Pegawai integriti syarikat kumpulan UMHSB boleh mencadangkan perkara-perkara berikut kepada jawatankuasa integriti untuk kelulusan sebagai mekanisme kawalan dan aspek pengukuhan integriti dalam memulakan pelan tindakan anti rasuah bagi syarikat kumpulan UMHSB :

04

Program pengukuhan Integriti



Mencadangkan agar program pengukuhan integriti dijalankan secara tahunan bagi setiap kakitangan di bawah gred pengurus dan dua kali setahun bagi kakitangan gred pengurus dan ke atas. Program pengukuhan ini bertujuan untuk mendidik kakitangan syarikat kumpulan UMHSB agar tidak terlibat dalam mana-mana perilaku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu.

05

Lantikan Auditor pihak ketiga



Mencadangkan agar syarikat kumpulan melantik auditor daripada pihak ketiga secara giliran agar penyata akaun diaudit secara telus dan mengurangkan risiko berlakunya pengaruh pengurusan terhadap keputusan audit kewangan yang dijalankan.

KESIMPULAN

Syarikat kumpulan UMHSB berharap agar dengan wujudnya polisi ini memberi gambaran yang lebih jelas akan komitmen syarikat kumpulan UMHSB dalam memerangi perilaku rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, percanggahan kepentingan dan tuntutan palsu dalam kalangan kakitangan syarikat kumpulan UMHSB.

